



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Jeniri Amir. (1989). Adat Resam Kaum Melanau. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 209-224

ADAT RESAM KAUM MELANAU

Jeniri Amir

PENGENALAN

Adat merupakan peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun di dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. (Kamus Dewan, 1984: 6). Jika kita bertolak daripada takrifan tersebut jelaslah bahawa mang lingkup tajuk ini amatlah luas. Memang sulit — walaupun tidak mustahil bagi saya untuk membincangkan adat resam yang diamalkan itu satu persatu. Dengan demikian, saya hanya akan membincangkan aspek-aspek tertentu sahaja tentang adat resam kaum Melanau itu.

ADAT RESAM KAUM MELANAU

oleh

Jeniri Amir

Pengenalan

Adat merupakan peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun di dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. (Kamus Dewan, 1984: 6). Jika kita bertolak daripada takrifan tersebut jelaslah bahawa ruang lingkup tajuk ini amatlah luas. Memang sulit — walaupun tidak mustahil bagi saya untuk membincangkan adat resam yang diamalkan itu satu persatu. Dengan demikian, saya hanya akan membincangkan aspek-aspek tertentu sahaja tentang adat resam kaum Melanau itu.

Sistem Kepercayaan

Dalam usaha untuk memahami adat istiadat kaum Melanau kita perlu memahami sistem kepercayaannya terlebih dahulu. Hal ini demikian mengingat bahawa sistem kepercayaan tersebut mempunyai pengaruh yang langsung terhadap adat istiadat. Malah boleh dikatakan sistem kepercayaan itu merupakan tonggak yang menentukan pandangan hidup dan segala tindak-tanduk mereka yang mengamalkan adat istiadat Melanau. Sistem kepercayaan itu mempengaruhi cara mereka berfikir, bertindak balas dengan alam, kejadian dan persekitaran.

Sistem kepercayaan yang lebih bersifat kepercayaan terhadap kuasa ghaib dan kuasa yang luar biasa amat mempengaruhi kehidupan kaum Melanau. Mengikut tanggapan dalam sistem ini, dunia terdiri daripada tiga lapisan: atas, pertengahan dan bawah. Ketiga-tiga lapisan ini adalah saling berkaitan. Di dalamnya terdapat unsur jahat dan baik. Makhluk halus yang terdapat di setiap lapisan itu perlu dipelihara supaya ia tidak memarahi manusia. Antara makhluk halus yang dimaksudkan ialah *duhig*, *amow*, *tow*, *jin*, *ipok* dan sebagainya. Jika keselamatannya diganggu, dipercayai ia akan mengganggu manusia sehingga menyebabkan mereka sakit. Jadi, bagi menjamin kehidupan yang sejahtera manusia perlu patuh kepada sistem kepercayaan dan perlu menghormati makhluk halus yang ada. Kestabilan, keseimbangan dan kesejahteraan kehidupan hanya akan terpelihara kalau adat resam dipatuhi.

"The inhabitants of these worlds coexist within the pre-ordained order; man is endangered whenever the order is disrupted. Order and equilibrium can be maintained or restored by proper observance of *adat* – the body of prescribed custom given to man by the gods (Lebar, 1970: 175).

Dalam sistem kepercayaan animisme ini terdapat pelbagai jenis makhluk halus. Tingkat-tingkat atau taraf makhluk halus ini sendiri membayangkan secara tidak langsung bahawa ia pun mempunyai semacam ketua. Justeru itu, tempat-tempat yang dihuni oleh makhluk halus itu juga berbeza. Bagaimanapun, pada amnya dipercayai makhluk halus itu mendiami kawasan muara sungai, sungai laut, bukit, gunung, hutan rimba, pokok dan sebagainya. Sebab itulah semasa berinteraksi dengan unsur alam ini, manusia perlu berhati-hati. Kalaulah ketenteraman atau tempat tinggal makhluk itu terganggu ini akan menyebabkannya bertindak balas sehingga menyebabkan manusia sakit atau ditimpa malapetaka lain. Makhluk halus tidak akan dapat dihubungi oleh manusia biasa. Ia memerlukan perantara atau orang tengah yang boleh berhubung dengan makhluk halus itu. Untuk itu, bomoh (dukun), *a bayoh* dan seumpamanya amat penting dalam usaha memujuk makhluk halus daripada terus mengamuk. Melalui keahlian mereka, penyakit dapat diubati dan kedudukan yang tidak seimbang dalam dunia ini dapat diperbetulkan.

Aspek kedua dalam sistem kepercayaan Melanau ialah pantang larang. Pantang larang ini diperturunkan sejak turun-temurun. Ia merupakan *social sanction* yang mengawal setiap pergerakan dan tindakan mereka. Malah tidak keterlaluan dikatakan hampir setiap peringkat kehidupan manusia dan juga setiap aktiviti sosial dan ekonomi dipengaruhi oleh pantang larang. Pantang larang itu boleh sahaja dalam bentuk pantang keturunan, penyakit, makanan dan peringkat-peringkat tertentu dalam kehidupan. Mengingat betapa pentingnya hal ini, maka ketua keluarga perlu tahu dan arif tentang pantang larang ini. Sebab, mereka tidak akan dapat lari daripada hal tersebut.

Pantang larang mengawal setiap pergerakan dan tindak-tanduk mereka dalam usaha mengawal kehidupan supaya menjadi seimbang. Apabila keseimbangan wujud, maka kehidupan akan menjadi sejahtera dan harmonis. Interaksi yang harmonis dan terpelihara di antara semua ini amatlah perlu. Dilihat dari satu segi, sebenarnya dalam pantang larang itu sendiri, ia berkaitan rapat dengan makhluk halus dan juga kepercayaan yang kadang-kadang sukar dipercayai melalui kaca mata moden. Bagaimanapun, dipercayai kalaulah pantang larang itu diingkari atau dilanggar, maka malapetaka akan menimpa seseorang. Kalau tidak, dia akan jatuh sakit yang kadang-kadang sukar diubati. Pantang larang bukanlah penghalang tetapi lebih bertujuan untuk mensejahterakan kehidupan; memelihara keamanan dan keselamatan dalam kehidupan.

Kepercayaan mereka terhadap kuasa ghaib telah menyebabkan mereka terpaksa patuh terhadap pantang larang yang diperturunkan. Kemalangan, penyakit; dan kejadian buruk yang menimpa seseorang sering dikaitkan dengan kuasa ghaib dan keingkaran untuk mematuhi kepercayaan dan pantang larang. Sebab itulah, selain perlu mematuhi pantang larang, adat resam dan kepercayaan, mereka dituntut juga untuk tidak mencerooboh tempat tinggal makhluk halus demi menjamin kehidupan yang sejahtera harmonis dan bahagia.